

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA,
JULIN CENDERASARI,
KUALA LUMPUR.

Bil: (16) dlm. KKM-87 (15/2)

Tarikh: 28 hb. Jun, 1985.

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan
Kesihatan, Negeri.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan Sabah/Sarawak.

Pengarah,
Hospital Besar, Kuala Lumpur.

Semua Pengarah Institusi.

Dato'/Tuan/Puan,

Per: Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil: 2/1985

Penempatan Pegawai-Pegawai Perubatan di Jabatan
dan di wad-wad, Hospital-hospital Latihan.

Setiap pegawai perubatan mesti mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang cukup dalam merawat pesakit luar termasuk kes-kes kecemasan dan pesakit-pesakit dalam wad mengikut kaedah dan teknologi perubatan semasa. Ini bermakna setiap pegawai perubatan hendaklah ditugaskan di jabatan pesakit luar dan di wad-wad secara bergilir. Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memastikan setiap pegawai perubatan diberi pendedahan yang perlu.


2. Semua Pengarah adalah dikehendaki membuat peraturan supaya pegawai-pegawai perubatan yang sudah lama bertugas di jabatan pesakit luar (umpamanya lebih dari dua tahun) ditukarkan ke wad-wad dan sebaliknya. Tempoh bertugas di satu-satu tempat terpulang kepada budibicara Pengarah-pengarah, tetapi hendaklah tidak melebihi dua tahun. Pegawai-pegawai perubatan yang menjalani latihan seperti Pendaftar dan pegawai-pegawai perubatan latihan (trainee medical officer), dan mereka yang telah dipilih khas untuk bertugas di satu-satu jabatan/unit seperti anaesthesiologi adalah dikecualikan dari peraturan ini.

3. Semua Pengarah adalah dikehendaki memastikan peraturan ini dilaksanakan. Pengarah Perkhidmatan Perubatan di-Kementerian ini adalah bertanggungjawab mengesan dan melaporkan pelaksanaan Pekeliling ini setiap enam bulan. Segala pertanyaan mengenai Pekeliling ini hendaklah di-alamatkan kepada:-

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia,
(u.p: Pengarah Perkhidmatan Perubatan),
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Jalan Cenderasari,
Kuala Lumpur.

Tel: 928925

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI DATUK (DR.) ABDUL KHALID BIN SAHAN)
Ketua Pengarah Kesihatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

- s.k. - Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Semua Ketua Bahagian, Kementerian Kesihatan.